



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	18/3/2021	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pulihara segera hutan bakau Tanjung Tuan elak jejas ekosistem

BH-Komenter 18/3/2021 mlk 11

Kerajaan Melaka wajar diberikan penghargaan kerana memberikan reaksi segera terhadap berita keadaan hutan bakau Tanjung Tuan diarakkan di BH. 14 Mac lalu.



Prof. Dr. Ahmad Ismail

Walapun hutan bakau di situ kecil, ia mempunyai kepentingan tinggi dari segi zon penamungan pantai dan kemudahan infrastruktur di pantai berkenaan.

Keunikan hutan simpan Tanjung Tuan adalah mempunyai kepentingan dalam pendidikan, penyelidikan dan pelancongan, sekaligus menjadikan kawasan itu perlu dipulihara segera serta dijaga dengan baik.

Keadaan hutan bakau rosak akibat minyak tumpah Oktober lalu perlu dipulihara segera dengan membersihkan kesan minyak yang masih tinggal dan menanam anak bakau baharu.

Kajian segera kualiti habitat akibat minyak tumpah perlu dijalankan segera, terutama dari segi kesesuaian untuk menaman semula anak bakau daripada spesies sesuai, selain memulihkan hidupan di ekosistem pokok bakau. Kedudukan Tanjung Tuan mungkin

mempunyai tekanan hakisan pantai berbeza dengan pantai lain. Hakisan pantai mungkin boleh memberikan kesan kepada bangunan jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di situ dan ekosistem bakau yang masih tinggal.

Proses pembersihan mungkin perlu diteruskan secara sistematik mengikut prosedur pakar pembersihan minyak tumpah hutan bakau.

Sekiranya kerajaan negeri bersejajut memastikan hutan bakau ini terjaga pada masa hadapan, ia perlu terus men-

jadi tempat pendidikan, penyelidikan dan ekopelancongan serta memiliki infrastruktur sesuai seperti labuan pejalan kaki selamat.

Ini berkaitan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pencinta Alam (MNS), sering menjalankan aktiviti pendidikan membabitkan pelajar sekolah dan universiti.

Universiti juga ada menjalankan penyelidikan di kawasan berkenaan. Tambahan pula, minggu kedua Mac setiap tahun, MNS bersama kerajaan Melaka,

PERHILITAN, Jabatan Perhutanan dan Tourism Malaysia menyambut penghirahan burung pemangsa melintasi Selat Melaka dari Sumatera.

Pemerhatian sukarelawan MNS hampir 10 hari merekodkan kira-kira 15,000 burung melintasi kawasan Tanjung Tuan. Fenomena penghirahan burung pemangsa ini unik, sekali gus menarik minat burung dan pelancong dalam serta luar negara.

Aktiviti ini juga membabitkan pelajar sekolah sekitar Melaka dan Port Dickson dan sekolah lain di Semenanjung. Kawasan hutan bakau ini dan bangunan PERHILITAN ialah kawasan utama aktiviti pelajar.

Sehubungan itu amat sesuai kawasan ini segera dipulihara kerana kejadian minyak tumpah dan kerosakan ekosistem bakau ini mencipta sejarah baharu dalam penyelidikan serta pendidikan ekosistem hutan bakau.

Malah, menghalang bahan cemar dicadangkan untuk diletakkan bagi mengelak pencemaran seperti plastik yang hanyut dari laut dan tumpahan minyak masuk ke kawasan hutan bakau.

Penulis adalah Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)

